Harian NASIONAL

JPJ akan keluarkan 500 lesen memandu bentuk baru

KUALA LUMPUR, Selasa — Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan mengeluarkan kira-kira 500 keping lesen memandu yang baru tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abu Hassan Haji Omar, berkata pengeluaran 500 keping itu untuk percubaan saja, sebelum ia diperluaskan di seluruh negara.

Ketika ini, Kementerian Pengangkutan sedang membuat penelitian rapi untuk menentukan bentuk lesen memandu yang baru itu.

Katanya, lesen memandu yang baru itu adalah dalam bentuk kecil seperti kad kredit dan ia dibuat sebegitu rupa untuk kemudahan orang ramai.

Ia berukuran tujuh sentimeter panjang dan empat sentimeter lebar, berlatar-belakangkan bendera Malaysia di hadapannya.

Ia dibuat dengan kertas keras, mengandungi gambar, alamat dan nombor lesen memandu pemegang serta kod komputer yang susah dikesan.

Di bahagian belakang lesen itu tertera lambang negara, iaitu dua ekor harimau berjuang dan gred lesen pemandu serta ruang untuk urusan pembaharuan lesen.

Menurut Datuk Abu Hassan, lesen baru itu akan dicuba untuk tempoh enam bulan dan sekiranya tidak menghadapi masalah, ia akan diperluaskan ke seluruh negara.

Langkah percubaan itu bertujuan mengesan kelemahan-kelemahannya sebelum ia digunakan sepenuhnya, kata Timbalan Menteri itu.

Difahamkan, lesen yang baru itu hanya boleh diperbaharui sekurang-kurangnya dua tahun sekali, sesuai dengan bentuk yang kecil untuk menjimatkan ruang.

Adib Adam menitis air mata di dewan

KUALA LUMPUR, Selasa — Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohd Adib Adam, menitiskan air mata di Dewan Rakyat petang ini kerana kecewa dengan tindakan wakil DAP dari Jelutong, Encik Karpal Singh, tidak menarik perkataan "kurang ajar" yang ditujukan kepadanya.

"Saya kecewa dengan perkataan kurang ajar kerana ibu saya yang memelihara saya tidak pernah menyatakan demikian kepada saya," katanya sambil mengesat air mata dengan sapu tangannya.

Ahli-ahli dewan senyap sunyi bila Datuk Seri Mohd Adib melafazkan perasaan yang pilu dan sedih itu. Ada antara ahli dewan hampir mengalir air mata kerana amat bersimpati.

"Saya kecewa kerana saya menganggap Encik Karpal sebagai orang tua dan berpelajaran, tetapi sanggup mengeluarkan perkataan itu," katanya.

Datuk Seri Mohd Adib berkata, meskipun Encik Karpal Singh telah digantung keanggotaannya, tetapi tindakan tegas selanjutnya perlu diambil.

Sebelum itu, Dewan Rakyat terpaksa mengambil tindakan menggantung Encik Karpal Singh selepas enggan menarik perkataan kurang ajar yang ditujukan kepada Menteri Penerangan ketika beliau berucap menangkis dakwaan ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang, yang menyatakan bahawa Peguam Negara sendiri tidak bersetuju bahawa pindaan itu dilakukan di bawah Fasal 66 (5) dan 150.

Selepas dewan berehat lima minit untuk mereda keadaan, Timbalan Speaker, Encik Samsuri Mat Salleh, menyebut di bawah Fasal 44 (3) Peraturan Majlis Mesyuarat.

Di bawah fasal itu, jika nama seseorang itu disebut, mereka boleh diambil tindakan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrir Samad, bangun mencadangkan supaya Encik Karpal digantung dari majlis sehingga habis tempoh sidang dewan penggal ini, iaitu tamat pada hari Jumaat ini.

Usul itu disokong oleh Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Tan Tiong Hong.

Ada golongan nak buat kacau: Adib

SHAH ALAM, Selasa — Ada golongan tertentu mengambil kesempatan, terutama musuh negara, untuk menimbulkan kekacauan dalam soal pindaan Perlembagaan yang sedang hangat diperkatakan sekarang, kata Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohd Adib Adam.

Beliau memberitahu demikian kepada pemberita selepas memberi taklimat khas mengenai pindaan Perlembagaan kepada Pegawai Penerangan dan Penolong Pegawai Penerangan Luar, di sini hari ini.

Kerana itu, katanya, Kementerian Penerangan sebagai alat kerajaaan bertanggungjawab memberi penerangan mengenai kedudukan sebenar dalam perkara ini agar rakyat tidak keliru.

Untuk tujuan ini, Kementerian Penerangan akan mengeluarkan buku panduan tidak lama lagi untuk memberi penerangan secukupnya kepada rakyat berhubung dengan perkara pindaan Perlembagaan itu.

Beliau berkata, mungkin hanya 10 peratus saja rakyat di negara ini mengetahui Perlembagaan, manakala yang lainnya tidak faham dan ada di kalangan mereka yang tidak tahu langsung mengenai Perlembagaan.

Oleh itu, taklimat khas yang diadakan ini semata-mata untuk memberi panduan kepada Pegawai Penerangan dan Penolong Pegawai Penerangan Luar mengenai pindaan Perlembagaan ini.

Dengan cara ini, katanya, mereka yang lebih rapat dengan rakyat akan dapat berhadapan dan menerangkan kedudukan sebenar, lebih-lebih lagi sekiranya ada golongan yang cuba menangguk di air keruh untuk meracuni fikiran rakyat.

Menurutnya, kini minat rakyat ingin tahu mengenai pindaan Perlembagaan semakin memuncak dan kerana itu tanpa penerangan jelas mungkin mereka akan mudah dipengaruhi oleh golongan yang tidak mengetahui tentang kedudukan masalah ini.

"Jika penerangan sebenar berkaitan perkara ini tidak diterangkan kita khuatir akan timbul pelbagai takrif dan penerangan yang tidak betul dan seterusnya boleh mencetuskan kekacuan.

"Jadi, dalam pertemuan ini saya dapat menyelesaikan berbagai masalah dan kekeliruan yang timbul dari soalan biasa oleh rakyat, yang sengaja ditabur dan difitnahkan oleh musuh-musuh negara.

"Kadangkala sampai menggunakan Parlimen untuk menabur fitnah ini, seperti yang dilakukan oleh Encik Lim Kit Siang yang menyuarakan di Parlimen bahawa Ketua Hakim Negara dan Jabatan Peguam Negara menentang pindaan Perlembagaan, seolah-olah beliau menuduh kerajaan menentang nasihat pakar atau pihak yang berwajib," katanya.

Sebelum ini, katanya, taklimat yang sama diadakan di kawasan selatan bagi negeri Johor, Sabah, Sarawak dan Melaka pada 12 November lalu di Johor Bahru.

Bagi kawasan utara ia diadakan semalam di Pulau Pinang untuk Perlis, Kedah dan Perak Utara dan bagi kawasan Pahang, Terangganu dan Kelantan ia akan diadakan di Kuantan pada 2 Disember depan.

Taklimat hari ini dihadiri oleh kira-kira 200 peserta dari Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Perak Selatan.

Pelajar diseru bertenang hadapi putusan MPM

KUALA LUMPUR, Selasa — Pelajar dan ibu bapa dinasihatkan supaya bertenang menghadapi keputusan Majlis Peperiksaan Malaysia (MBM) membatalkan enam kertas peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) berikutan berlakunya kebocoran soalan.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Khalil Yaakub, berkata mereka haruslah menerima keputusan itu dengan tenang untuk mempertahankan kewibawaan sijil-sijil peperiksaan di negara ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas mengenai keputusan MPM supaya Bahasa Malaysia (Kertas Satu dan Dua), Kertas Am, Sejarah (Kertas Dua dan Enam) dan Ekonomi (Kertas Tiga) dalam STPM terpaksa diulang semula.

Sijil

Katanya, peperiksaan semula itu adalah untuk mengelakkan sijil-sijil peperiksaan di negara ini tidak dipersoalkan di masa depan.

Menurutnya, keputusan MPM itu telah disampaikan kepada Menteri Pelajaran, Datuk Dr Sulaiman Daud, semalam.

Katanya, oleh kerana MPM adalah badan berkanun yang mempunyai fungsinya tersendiri, setiap pelajar hendaklah mematuhi apa juga keputusannya.

Katanya, pelajar dan ibu bapa tidak seharusnya bersungut atas keputusan itu demi menjaga kepentingan pelajaran di negara ini.

Beliau enggan mengulas lanjut.

Jelita buat kajian tentang pondan

PONDAN sekarang menjadi satu fenomena yang kian menyolok mata dalam masyarakat dan menjadi satu masalah sosial yang tidak boleh lagi disorokkan.

Pondan, kedi, bapuk atau adik, menurut istilah orang Singapura, ialah lelaki yang berjiwa wanita. Ia mempunyai alat lelaki yang tidak dapat digunakan.

Di samping pondan atau Mak Nyah ini, golongan khunsa yang mempunyai dua alat kelamin, ada rahim dan saluran peranakan. Alat kelamin lelaki biasanya tidak dapat digunakan.

Majalah *JELITA* keluaran Disember 1983 menyiarkan tinjauan "team" penulis majalah ini yang menyelidik masalah masyarakat pondan.

Antara kisah yang diceritakan ialah mengenai Nor Aini (Ahmad bin Mahmud) yang berjanji menjadi perempuan baik selepas menjalani pembedahan menukar seks awal tahun depan.

"Ani tahu pembedahan ini sakit, tapi kerana terpaksa, Aini rela. Sebelum dibedah, Aini akan mandi hadas kerana selepas itu Ani berdepan dengan dunia hidup dan mati," katanya.

Ahmad, yang memanggil dirinya Nor Aini, pernah mengambil bahagian dalam peraduan fesyen untuk murid-murid perempuan dan dia berjaya mendapat tempat kedua.

Pembedahan

Ahmad sekarang berusia 24 tahun dan tidak langsung mempunyai syahwat. Doktor pakar mengesahkan zakarnya tidak hidup. Gerak-geri dan kelakuannya sama seperti perempuan.

Dia dijangka menjalani pembedahan tukar seks awal tahun depan di Hospital Kandang Kerbau, Singapura. Dia rakyat Singapura.

"Kalau Ani berjaya dibedah, Ani boleh memohon kad pengenalan baru yang akan mengesahkan Ani menjadi perempuan," katanya.

Manakala Ani bersiap menunggu pembedahan, seorang lagi pondan, Mufti bin Bakri, yang menderita batinnya beberapa lama sejak tiga tahun lalu gembira menjadi perempuan setelah berjaya menjalani pembedahan tukar seks.

Dia diberi kad pengenalan baru dengan nama Maaryanti binti Bakri yang mengakuinya sebagai wanita.

Maaryanti, yang lebih suka dipangil Marya saja, berkata: "Percayalah bang, bukan Marya sengaja mahu jadi begini. Segalanya sudah nasib. Tuhan menjadikan Marya begini, tapi mengapa manusia tidak mahu memahaminya."

Sambutan raksasa dijangka untuk PM

KUALA LUMPUR, Selasa — Sambutan raksasa dijangka diberikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bila beliau melawat Negeri Sembilan, Jumaat ini dan Selangor pada 6 Disember.

Berpuluh ribu rakyat berbilang kaum dijangka berhimpun di Padang Kelab NS Seremban untuk membuktikan sokongan yang tidak berbelah-bagi kepada Perdana Menteri untuk memimpin kerajaan dan berusaha menyelesaikan isu pindaan Perlembagaan.

Seperti di Alor Star dan Bagan Datoh minggu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir dijangka memberi ucapan kepada perhimpunan sebelum merasmikan upacara meletakkan batu asas bangunan baru Majlis Perbandaran Seremban.

Beliau dijangka tiba dengan helikopter pada jam 10 pagi dan akan disambut oleh Menteri Besar, Datuk Mohamad Isa Abdul Samad serta pemimpin-pemimpin parti politik dan masyarakat.

Di Selangor, beliau dijadualkan tiba di Padang Marin, Pelabuhan Kelang pada jam 10 pagi.

Jadual lawatan beliau ialah untuk merasmikan pembukaan Poliklinik Pelabuhan Kelang. Tetapi, ribuan rakyat dijangka berhimpun untuk menunjukkan sokongan padu mereka kepada kepimpinan beliau.

Sementara itu, sumber-sumber memberitahu, Datuk Seri Dr Mahathir terus menerima kawat dari pelbagai pertubuhan dan persatuan serta orang-orang perseorangan yang menyatakan sokongan terhadap keputusannya hendak terus memegang teraju negara.

Sumber-sumber itu berkata, Perdana Menteri sendiri membaca kawat-kawat yang diterima hampir setiap hari dari bahagian dan cawangan Umno, kesatuan sekerja dan persatuan sukarela.

Bernama pula melaporkan, lebih ramai tokoh Umno, pemimpin kesatuan sekerja dan pertubuhan-pertubuhan sukarela hari ini menyatakan penghargaan masing-masing kepada Perdana Menteri kerana tindak-tunduknya kepada tekanan supaya beliau meletakkan jawatan.

Mereka berpendapat keputusan tegas Datuk Seri Dr Mahathir untuk terus memimpin parti dan kerajaan serta berusaha menyelesaikan isu pindaan Perlembagaan yang dihadapi sekarang patut dipuji dan diberi sokongan.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Mustafa Jabbar, berkata hampir keseluruhan anggota Umno — kira-kira sejuta orang — "lega" dengan keputusan itu yang diisytiharkan ketika berucap di depan kira-kira 50,000 rakyat di Alor Star, Sabtu lalu.

Beliau berkata, pimpinan Perdana Menteri di saat negara menghadapi masalah sekarang adalah sangat-sangat diharapkan.

Datuk Mustafa menegaskan, tidak ada perpecahan dalam Umno ekoran pindaan itu, malahan anggota parti setia dan yakin terhadap kebijaksanaan Perdana Menteri dalam menyelesaikan masalah itu.

PERCUMA DENGAN CALTEX!

Kerajaan digesa pertahankan undang2 buruh

KUALA LUMPUR, Selasa — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini menggesa kerajaan supaya mempertahankan undang-undang buruh yang ada sekarang yang disifatkannya sebagai sudah baik dan dapat memberikan pelbagai galakan kepada pekerja.

...hak tertentu, khususnya majikan," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Majlis Pertubuhan Majikan Malaysia, Tun Tan Siew Sin, semalam yang menyatakan majlis itu sedang merangka memorandum mengenai kajian undang-undang buruh untuk pertimbangan kerajaan.

...kan daya pengeluaran dan kecekapan perkhidmatannya.

Menurutnya, banyak masalah yang wujud berhubung dengan undang-undang buruh ini lahir dari sikap majikan sendiri yang tidak mengkaji soal ini dengan mendalam atau mereka mempunyai tujuan lain yang tersendiri.

Beliau juga meminta...

Harian NASIONAL

Oleh JAMALUDIN ABU BAKAR dan ROKIAH KADIR

Rakyat tidak boleh tunai Haji melalui negara ketiga

KERAJAAN akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menggunakan penerbangan secara pelancong, sama ada melalui Mesir atau negara ketiga untuk mendapat kebenaran masuk ke Makkah di musim Haji.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Radzi Sheikh Ahmad berkata, mengikut Akta Tabung Haji (1973) setiap orang yang melanggar akta itu boleh didenda sehingga $10,000 atau setahun penjara atau kedua-dua sekali.

Katanya, setakat ini kerajaan sedang menyiasat satu kes yang membabitkan sebuah syarikat yang mengiklankan di akhbar mengenai tawaran menunaikan Haji melalui syarikatnya.

Ketiga

Encik Radzi berkata demikian ketika menjawab soalan Encik Abdul Rahman Suliman (BN-Parit Buntar) yang ingin tahu sama ada kerajaan sedar ada pihak persendirian menggunakan penerbangan pelancongan, sama ada melalui Mesir atau negara ketiga.

Katanya, kerajaan sedar mengenai perbuatan seperti itu dan langkah-langkah sedang diambil oleh Tabung Haji untuk mengatasinya.

Menjawab soalan Haji Hassan Mohamad (Hamim-Rantau Panjang) beliau menjelaskan, satu kes sedang dalam siasatan sekarang. Menurutnya, kerajaan tidak memilih bulu dalam mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang melanggar akta itu.

Umrah

Menjawab soalan Wan Ibrahim Wan Abdullah (Hamim-Pasir Mas) Encik Radzi berkata, kerajaan memang sedar ada orang yang menggunakan negara ketiga untuk...

Mesyuarat terpaksa ditangguh lima minit

DEWAN Rakyat menjadi kelam-kabut dan terpaksa ditangguhkan selama lima minit bila pertengkaran hebat berlaku antara Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohd Adib Adam dan Encik Karpal Singh ketika menteri itu sedang menyampaikan hujahnya mengenai pindaan perlembagaan.

Timbalan Speaker, Encik Shamsuri Md Salleh membut keputusan itu pada jam 4.47 petang untuk mententeramkan keadaan yang menjadi gamat bila pertengkaran itu dicampuri oleh penyokong-penyokong kerajaan.

Walaupun Timbalan Speaker berkali-kali meminta ahli dari Jelutong itu supaya duduk dan menunggu sehingga kebenaran diberikan kepadanya, Encik Karpal terus melemparkan kata-kata kesat seperti "kurang ajar" kepada Datuk Seri Mohd Adib.

Dengan nada marah Menteri Penerangan pula menyatakan Encik Karpal yang "kurang ajar" kerana tidak mematuhi peraturan.

Sebelum menyambung hujahnya, Datuk Seri Mohd Adib meminta Timbalan Speaker menyuruh ahli DAP itu menarik balik perkataannya "kerana perkataan itu adalah satu perkataan yang berat dan tidak seharusnya digunakan dalam Dewan."

6 lang... pega... amal...

PEGAWAI kastam yang disyaki menerima rasuah akan ditukar serta-merta ke kawasan di mana mereka dapat dikawal, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Radzi Sheikh Ahmad.

Ini adalah antara enam langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memerangi amalan-amalan rasuah yang berlaku di pusat pemeriksaan kastam di Johor Bahru dan tempat-tempat lain.

Encik Radzi berkata demikian ketika menjawab soalan Encik Chan Kok Kit (DAP-Sungai Besi) yang ingin tahu langkah-langkah kerajaan untuk memerangi rasuah dan tindakan akan diambil terhadap mereka yang menerima rasuah.

Lima langkah lagi ialah menghadkan wang saku